

Sayangkan bangsa perlu realistik, bukan dengan semangat kebangsaan

# Melayu hanya mahu senang

Um- 29/3/2005: 7

**UTUSAN:** Semasa Tun membuat keputusan melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, apakah rasionalnya pada masa itu?

**TUN DR. MAHATHIR:** Kita hendak tingkatan keupayaan kita menguasai ilmu. Jadi kalau kita hendak kuasai ilmu ada dua cara, secara tidak langsung dan dengan cara langsung.

Memanglah cara langsung itu lebih baik. Kalau kita kata tidak langsung, maknanya ada orang lain yang belajar bahasa Inggeris, dia buat tafsiran dan kita baca tafsiran dia. Tafsiran dia, mungkin tepat... mungkin tidak.

Sebaliknya kalau kita menguasai bahasa Inggeris maka kita akan faham dengan lebih cepat.

Keduanya ialah di zaman ini bahasa Inggeris sudah jadi bahasa universal. Kita suka atau tidak suka, itu soal lain tetapi sebagai bahasa universal, semua ilmu terdapat dalam bahasa Inggeris. Mungkin diterokai dalam bahasa-bahasa lain tetapi untuk difahami oleh majoriti manusia di dunia ini, bahasa Inggeris digunakan.

Jadi kalau kita guna bahasa Inggeris, akses kita kepada ilmu menjadi lebih baik.

Tetapi memanglah kita akan menghadapi kesulitan. Apa jua ilmu yang hendak kita belajar, kita akan menghadapi kesulitan tetapi ia boleh diatasi. Ya, kalau kita tidak faham bahasa tentulah sulit tetapi kita terpaksa guna. Walaupun kita belajar dalam bahasa kita (kebangsaan) kita terpaksa juga guna bahasa Inggeris yang dimelayukan.

Umpamanya *potassium* dalam bahasa Melayu kita sebut kalium. Banyak perkataan yang dimelayukan dan ia bukan asas bahasa Melayu tetapi datang daripada bahasa lain termasuk bahasa Inggeris.

Jadi hendak tak hendak kita kena juga faham bahasa lain dan apa yang kita belajar itu sebenarnya bukan menggunakan bahasa kita. Kerana kalau kita pegang kepada bahasa Melayu tulen, tidak ada perkataan-perkataan kerana bidang ini bukan bidang yang diterokai oleh kita. Walaupun kita belajar dalam bahasa Melayu, sebenarnya bukan bahasa Melayu yang kita gunakan tetapi bahasa lain.

Segala teori dan terminologinya semua dalam bahasa lain, cuma sedikit sahaja bahasa Melayu digunakan. Ini bermakna kita faham bahasa bukan Melayu yang digunakan itu secara tidak mencukupi kerana kita cuma kenal bahasa itu sepintas lalu sahaja.

Sebaliknya kalau kita belajar dalam bahasa (bidang ilmu) itu sendiri, kita akan tahu konteksnya. Tidak kiralah bahasa apa pun. Kalau kita belajar bahasa Arab pun macam itu juga, kita belajar bahasa Pe-

## MUKADIMAH

SEBELUM wawancara mengenai isu pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris ini bermula, Tun Dr. Mahathir Mohamad berpesan kepada kami. "Saya sebenarnya berpendapat kerajaan semasa yang akan menentukan (kedudukan isu itu). Saya tidak mahu buat komen berkenaan tajuk ini secara khusus, sebaliknya secara umum sahaja."

Dalam interviu selama 40 minit itu, Dr. Mahathir kelihatan cukup selesa. Beliau menunjukkan kerja-kerja di atas mejanya yang banyak.

Wawancara yang sepatutnya bermula pukul 11.30 pagi terpaksa ditunda ke pukul 3 petang bagi memberi peluang beliau bertemu dengan ramai pengunjung dan sahabat handai.

Seperti biasa, nadanya dalam wawancara itu cukup nasionalistik. Keputusan memperkenalkan dasar bahasa Inggeris itu, katanya dibuat atas "kepentingan orang Melayu sepenuhnya".

Dr. Mahathir memberi rasionalnya mengapa dasar itu diperkenalkan pada 2003 semasa beliau menjadi Perdana Menteri. Penjelasan beliau kini adalah ekoran rumusan Kongres Pendidikan Melayu Kedua Ahad lalu yang meminta kerajaan mengkaji semula penggunaan bahasa Inggeris untuk dua mata pelajaran itu kerana bimbang ia mengancam kedaulatan bahasa dan jati diri orang Melayu.

Kajian akademik yang dibentangkan pada kongres itu mendapati kira-kira 80 peratus atau setengah juta pelajar Melayu akan tercicir dalam kedua-dua mata pelajaran itu jika ia diteruskan.

Dr. Mahathir mengakui jati diri orang Melayu memang lemah. "Kalau boleh kita tidak hendak menghadapi cabaran sama sekali. Kalau boleh kita lahir dan segala-galanya disiapkan sehingga kita meninggal."

Ikuti wawancara eksklusif wartawan *Utusan Malaysia*, ZAINI HASSAN dan MARHAINI KAMARUDDIN di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya semalam.

dan tidak menumpukan kepada bahasa ini kerana memikirkan memadai dengan menguasai bahasa kebangsaan.

Jadi kalau kita tidak memaksa mereka menggunakan bahasa Inggeris, bukan sahaja mempelajari bahasa Inggeris tetapi dengan mempelajari bidang-bidang lain, maka penguasaan bahasa Inggeris mereka tidak akan sama dengan penguasaan bahasa Inggeris oleh penuntut bukan Melayu dari sekolah bukan kebangsaan.

**Apakah reaksi Ahli Majlis Tertinggi UMNO sewaktu keputusan untuk melaksanakan dasar ini dibuat?**

**TUN DR. MAHATHIR:** Semua sokong. Tak tahulah jika kerana takut kepada saya. Tetapi mereka semua sokong, saya telah terang kenapa sebabnya yang kita perlu berbuat demikian. Kita dapati ramai

geris dengan fasih.

Di Jepun umpamanya saya dapati penterjemah ini boleh terjemahkan subjek teknikal dengan fasih.

Jadi inilah aliran zaman ini. Seperti juga zaman kegemilangan Islam, orang Sepa-

**Saya pejuang bahasa tetapi saya juga pejuang bangsa dan bangsa yang tidak berilmu tidak akan dihormati orang**

mangsa daripada pelaksanaan dasar bahasa tersebut. Apakah betul pandangan itu?

**TUN DR. MAHATHIR:** Tidak, sepatutnya. Kalaupun kita jadi mangsa, ini adalah kita punya pengorbanan untuk bangsa. Kalau kita tidak mahu berkorban langsung, kita tak akan maju. Agama kita menyuruh kita berkorban. Jangan selalu sangat kita fikir yang kita akan jadi mangsa, jadi kita tak mahu jadi mangsa.

Oleh kerana kita tidak mahu jadi mangsa, maka orang lain yang turut akan jadi mangsa. Jadi siapa yang akan jadi mangsa? Kalau tidak ada mangsa langsung, tidak akan korban langsung, tidak adalah kemajuan.

Orang yang mula buat kapal terbang, ramai yang mati. Jadi kerana mereka

Jadi adakah ini semua alasan sahaja?

**TUN DR. MAHATHIR:** Saya tak berani katalah.

Tetapi kalau kita buat perbandingan, kita hantar penuntut kita belajar ke Jepun dan Korea yang bahasanya begitu asing kepada kita, mereka boleh mencapai kejayaan cemerlang. Kenapa tidak dengan bahasa Inggeris?

**TUN DR. MAHATHIR:** Jika yang dihantar itu benar-benar tekun, mereka boleh menguasainya. Bahasa Korea bukan bahasa yang mudah dikuasai. Saya kagum apabila berjumpa penuntut kita di Korea, mereka boleh menguasai bahasa itu.

Jadi apa masalah dengan pengajaran bahasa Inggeris?

**TUN DR. MAHATHIR:** Dalam bahasa Melayu kita tidak ada perkataan Korea, bahasa Jepun pun setakat perkataan tsunami sahaja. Tetapi sekarang ini kalau anda baca dalam satu ayat, akan terdapat kadang-kadang hampir separuh perkataan bahasa Inggeris. Dan bahasa yang kita anggap bahasa kita pun bukan bahasa Melayu, bahasa Arab. Macam 'soal', dari bahasa Arab bukan bahasa Melayu. Banyak perkataan yang kita guna adalah bahasa Arab, kita tiru.

Jadi sekarang ini kita bercakap bukan dalam bahasa kebangsaan tetapi bahasa Arab campur Parsi, campur Sanskrit dan campur juga bahasa Inggeris.

Di SJKC, pengajaran Sains dan Matematik dibuat dalam bahasa Mandarin dan kemudian diulang dalam bahasa Inggeris. Adakah cara itu lebih baik?

**TUN DR. MAHATHIR:** Sebenarnya penggunaan bahasa Cina dalam SJKC itu mempunyai tujuan lain, tidak ada kenangannya dengan penguasaan ilmu. Penguasaan ilmu dibuat dalam bahasa Inggeris.

Kalau kita hendak buat (di SK) pun boleh juga tetapi ini barulah dikatakan membebankan. Kita tidak ada apa yang hendak dibuktikan.

Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Pengerusi Kongres Pendidikan Melayu Kedua minta pengajaran bahasa Inggeris dalam Sains dan Matematik ini dikaji semula atas alasan boleh mengancam kedaulatan bahasa Melayu dan jati diri orang Melayu. Apa komen Tun?

**TUN DR. MAHATHIR:** Saya ingat saya orang Melayu. Saya tak tahulah kalau orang nak soal perasaan nasionalisme sa-

